

CNS2862

R GB 03-08 00133 BB592

Bah

Mahathir - Sikh

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sumbangan semua kaum bagi mengekal dan meningkatkan lagi perpaduan serta keharmonian di negara ini sangat penting bagi menjayakan wawasan 2020.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berharap kaum Sikh akan memainkan peranan lebih berkesan dalam usaha menjamin kesejahteraan dan kemakmuran di negara ini berkekalan.

Mereka boleh memainkan peranan itu melalui Persatuan Sikh Malaysia, katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena majlis jamuan malam tahunan persatuan itu, di sini malam ini.

Menurut beliau, kaum Sikh telah memberi sumbangan positif kepada pembangunan negara dan usaha mewujudkan perpaduan serta keharmonian kaum di negara ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun berkenan menghadiri majlis tersebut. -- lagi

♥03/08/16-56MST

R GB 03-08 00057 BB593

Bah

Mahathir - Sikh 2 Ipoh

Perdana Menteri berkata, dengan kepimpinan yang matang dan berkesan, persatuan itu dapat meneruskan peranan dan sumbangan kepada usaha pembangunan nasional.

Kira-kira 800 anggota persatuan itu dari seluruh negara dijangka menghadiri jamuan tersebut, yang diadakan sempena ulang tahun keputeraan ke-63 Yang di-Pertuan Agong. -- Bernama

♥03/08/16-56MST